

TEPAT & TERKINI






**KERTAS PERSEDIAAN
UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK**

**Tingkatan
2
KSSM**

Berdasarkan

**JADUAL SPESIFIKASI
UJIAN (JSU)**

Bahasa Melayu (02)



- 1 Set Ujian Awal Tahun
- 1 Set Ujian Pertengahan Sesi Akademik
- 3 Set Ujian Akhir Sesi Akademik + JSU

MODEL

UJIAN AWAL TAHUN Tingkatan 2

Bahasa Melayu (02/2)

1 jam

Nama	
No. Kad Pengenalan	
Kelas	

ARAHAN:

1. Baca kertas ujian ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama, nombor kad pengenalan, dan nama kelas anda pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.
4. Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
B	1	30	
Jumlah		40	

6 Jawapan anda hendaklah berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji di **Tingkatan 2**.

- (i) *Meniti Impian*, karya Osman Ayob
- (ii) *Jejak MONPUS*, karya Zulaiha Paikon
- (iii) *Jalan ke Puncak*, karya Juri Durabi
- (iv) *Darah Titik di Semantan*, karya Arman Sani

Tema ialah persoalan utama yang ingin disampaikan oleh pengarang dalam sesebuah karya dan digambarkan menerusi peristiwa-peristiwa yang berlaku.

Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, kemukakan **tiga** contoh peristiwa yang bersesuaian dengan tema novel tersebut.

NOVEL	TEMA
Meniti Impian	Kegigihan seorang pemuda mengejar cita-cita untuk menjadi usahawan yang berjaya.
Jejak MONPUS	Kecintaan seorang pemuda terhadap ilmu sains dan dunia penyelidikan.
Jalan ke Puncak	Kegigihan seorang pemuda membina kecemerlangan kerjaya masa depannya dengan cara berdikari.
Darah Titik di Semantan	Semangat patriotisme dalam kalangan anak watan untuk membebaskan tanah air daripada penjajah.

[10 markah]

Arahan: Jawab soalan dalam Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.

BAHAGIAN A
[10 markah]

1 Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara 50 hingga 80 patah perkataan.

Majlis Konvokesyen Kakak





[10 markah]

BAHAGIAN B

[30 markah]

Lihat gambar dan maklumat di bawah ini dengan telitinya. Kemudian, pilih satu daripada tiga soalan yang dikemukakan dan tulis sebuah karangan yang panjangnya tidak kurang daripada 180 patah perkataan.

KARNIVAL BAHASA

		
PERTANDINGAN PANTUN	BICARA BERIRAMA	SKETSA
		
MENGARANG ESEI	PIDATO	PUISI DAN LAGU

- 1 Anda telah terlibat dalam suatu Karnival Bahasa Melayu di sekolah.
Ceritakan pengalaman anda semasa menganjurkan karnival tersebut.
- 2 Program karnival bahasa dapat memberikan manfaat yang banyak kepada murid.
Huraikan pendapat anda tentang manfaat-manfaat menyertai karnival tersebut.
- 3 “Walaupun tidak bergelar juara namun kami tetap berpuas hati dengan persembahan kami. Tepukan gemuruh daripada penonton telah memberi kami semangat baharu untuk mencuba nasib lagi pada masa akan datang. Pengalaman menyertai pertandingan pantun ini tidak akan saya lupakan.”
Tulis karangan yang berakhir dengan perenggan di atas.